



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR AHAD		
TARIKH	:	5/9/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	: 2
JABATAN	:	PERHILITAN		



NASIONAL

5 SEPTEMBER 2021 • SINAR AHAD  
LAPORAN KHAS

## RM50 habuan rasuah jejak tapak Pak Belang

Pemburu haram guna taktik merasuah orang kampung untuk dapatkan maklumat jejak haiwan liar

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM

Duit kopi RM50 untuk maklumat tapak kaki harimau di hutan!

Begitulah jijiknya moral kumpulan sindiket pemburu haiwan liar yang sanggup merasuah penduduk kampung untuk mendapatkan info mengenai kawasan liar termasuklah jejak tapak Pak Belang.

Ketua Pengarah Jabatan Perindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim mendedahkan, pemburu haram sanggup membayar duit kopi sehingga ratusan ringgit kepada orang tempatan yang tinggal berdekatan hutan kerana harga seekor harimau jantan boleh mencecah RM200,000 seekor.

Menurut Abdul Kadir, bagi pemburu harimau belang atau Harimau Malaya, suspek biasanya akan datang ke kampung ter-



ABDUL KADIR



Perlihatkan menahan warga tempatan dan merampas pelbagai peralatan serta organ hidupan liar.

babit meronda dan meminta orang kampung salurkan maklumat berkenaan binatang liar itu.

Pemburu harimau ini wujud kerana nilai tinggi pada hidupan liar itu.

"Biasanya penduduk kampung akan dibayar duit kopi RM50 kalau temui tapak kaki sahaja. Saya percaya bayaran itu boleh mencecah RM1500 bergantung kepada maklumat yang diberi," katanya dalam satu temu bual eksklusif dengan kru *Rasuah Busters* baru-baru ini.

Katanya lagi, pilah-pilah percaya kebanyakan pemburu harimau itu adalah warga tempatan.

"Saya tahu ada tauke harimau di Kelantan dan seorang daripadanya telah dikenal pas-



Seorang lelaki yang ditahan kerana membunuh dan melapah seekor gajah untuk dijual di pasaran gelap.



Seekor harimau belang jantan dijual selangge RM200,000 seekor di pasaran gelap.



Harimau kumbang yang dirampas dalam Operasi Bersepadu Khazanah.

ti. Dia ini ada ramai pekerja di bawahnya," katanya.

### Obses perubahan tradisional

Tambah Abdul Kadir, harimau belang atau lebih dikenali sebagai Harimau Malaya adalah salah satu spesies hidupan liar di Malaysia yang kian diancam kepupusan akibat pengcilan habitat, pemburuan dan kekurangan sumber makanan.

"Jumlahnya kini kurang daripada 200 ekor di habitat asal di taman-taman negara dan hutan-hutan simpan di sebahagian Semenanjung Malaysia," kata Abdul Kadir.

Katanya, selain harimau, pelbagai spesies popular haiwan liar serta eksotik yang biasa menjadi sasaran pemburu haram antaranya rusa, kambing gurun, beruang, gajah jantan dan tapir.

"Penjualan haiwan liar seperti gajah, seladang, beruang dan kambing gurun

biasanya akan dibuat di pasaran gelap.

"Sementara itu, penjualan hidupan liar yang lebih kecil seperti burung, lotong, kera, musang, ular, cicak dijalankan menggunakan platform medium atas talian seperti Facebook," katanya.

Beliau menjelaskan, harga binatang yang dijual di pasaran gelap bergantung kepada saiz, jantina, jenis, spesies, keunikan, umur, permintaan dan tujuan seperti contoh nilai perubatan atau peliharaan.

"Siasatan mendapati, harga di pasaran gelap rusa mencecah RM150 hingga RM180 untuk sekilogram (kg), kijang (RM100-RM120/kg), ayam hutan (RM100-RM200 seekor), tenggiling (RM200-RM300/kg), landak (RM500-RM1,000 seekor)," katanya.

Jelasnya lagi, harga di pasaran gelap sentiasa berubah-ubah mengikut permintaan dan kesukaran mendapatkan

JADUAL WAKTU SOLAT						
	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	6:02	7:11	1:20	4:20	7:25	8:35
ALOR SETAR	6:02	7:09	1:19	4:21	7:25	8:35
PULAU PINANG	6:03	7:10	1:20	4:21	7:24	8:34
IPOH	6:01	7:07	1:17	4:21	7:22	8:31
KOTA BHARU	6:55	7:04	1:12	4:14	7:18	8:23
KUALA TERENGGANU	6:52	7:00	1:08	4:11	7:13	8:23
KUANTAN	6:54	7:02	1:09	4:15	7:13	8:22
KUALA LUMPUR-PUTRAJAYA	6:59	7:06	1:15	4:21	7:19	8:28
SHAH ALAM	6:59	7:06	1:15	4:21	7:19	8:28
SEREMBAN	6:58	7:06	1:13	4:20	7:17	8:26
BANDAR MELAKA	6:57	7:06	1:12	4:19	7:16	8:25
KHORBARU	6:52	7:00	1:06	4:14	7:09	8:18

• PENERUSI, PENGARAH URUSAN DAN PENERBIT: DATU' (DR) HUSSAMUDDIN HI YAACUB  
 • KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF GROUP SINAR KARANGKRAF: FARAH HUSSAMUDDIN • KETUA PENGARANG KUMPULAN/KETUA PEGAWAI PENGISIAN: ROZAD RAHMAN  
 • PENGARANG EKSEKUTIF (DIGITAL): BUZY ADILA IDRIS • PENGARANG BERTITIK: ZAMRI RAMBU, JUNIARI ALYASA  
 • TIMBALAN PENGARANG BERTITIK: ONG BOON TEOK, BADERULIN ZAKARIA, ZURU PILEH • KETUA JABATAN IHLAH: AKROL FADLEY LIMIN • PENGARAH KREATIF KANAN: NORAZLAN ISMAIL

• Diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggan 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51017388 Faks: 03-51017333 • Dicitak oleh Ultimate Print Sdn Bhd, Lot 2, Jln Sepasa 15/5, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-51013888 Faks: 0351013301 • Tel: 03-51017480 (Unit Langganan Karangkraf Mail) • E-mel: editor@sinarharian.com.my

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
 No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)

